

## JADUAL HARIAN MUKMIN DI BULAN RAMADHAN

Assalamualaikum sahabat-sahabat,

Kita tidak mahu puasa yang kita tunaikan hanya mendapat lapar dan dahaga sahaja. Sebaliknya, kita mahu puasa itu menatijahkan keredhaan Allah serta mendapat keampunanNYA. Dan itulah janji Nabi saw kalau kita menunaikan puasa dengan SEMPURNA.

قَالَ سَلَّمَ عَلَيْهِ اللَّهُ صَلَّى اللَّهُ رَسُولَ أَنْ : عَنْهُ اللَّهُ رَضِيَ هُرَيْرَةَ أَبِي حَدِيثُ  
\* دَنِيهِ مِنْ تَقَدَّمَ مَا لَهُ عُفْرَ وَاحْتِسَابًا إِيْمَانًا رَمَضَانَ قَامَ مَنْ

Diriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a katanya: Sesungguhnya Rasulullah s.a.w bersabda: Sesiapa yang melakukan sembahyang malam pada bulan Ramadan kerana keimanan (kepada Allah) dan mengharapkan keredhaan Allah semata-mata, maka diampunkan segala dosanya yang telah lalu \* (Riwayat Bukhari dan Muslim)

Berikut adalah **CADANGAN JADUAL HARIAN MUKMIN DI BULAN RAMADHAN.**

### **4.00 PAGI**

1. Bangun tidur dan baca doa.
2. Berniat untuk melakukan sebanyak mungkin kebaikan pada hari ini.
3. Mandi dan membersihkan diri.
4. Mengambil wudhu' dan memakai pakaian yang suci dan wangian.

### **4.30 PAGI**

1. Solat sunat Taubat (توبتلا) 2 rakaat.  
-Angkatlah tangan memohon ampun kepada ALLAH. Menangislah menyesali dosa-dosa lalu.
2. Solat sunat Tahajjud 2/4... rakaat.  
-Selepas sembahyang, angkatlah tangan berdoa kepada ALLAH.
3. Solat sunat Hajat 2 rakaat.  
-Ketika sujud terakhir sertakan di dalam hati segala hajat 'DUNIAWI & UKHRAWI.
4. Solat sunat Witr 3, 5, 7, 9 ATAU 11 rakaat.

5. Perbanyakkan berdoa kepada ALLAH dengan penuh rasa kehambaan, rendah diri, agar ALLAH ampunkan dosa-dosa kita dan menerima amalan kita.
6. Baca dan tadabburlah al- Quran.
7. Berzikir.

### **5.15 PAGI**

1. Makan sahur
2. Bersiwak atau mengosok gigi dan membersihkan mulut.

### **5.30 PAGI**

1. Bersiap menunggu waktu Subuh dengan membaca Al-Quran atau berselawat/berzikir.
2. Solat sunat Subuh, sembahyang Subuh berjemaah dan berwirid atau membaca ma'thurat.
3. Baca dan tadabburlah al-Quran.

### **10.00 PAGI**

1. Sembahyang sunat Dhuha 2/4/6/8 rakaat.
2. Bersedekah harta/tenaga.
3. Baca dan tadabburlah al-Quran walaupun beberapa ayat sahaja.

### **12.45 TENGAHARI**

1. Bersiap untuk solat Zohor.
2. Menunggu waktu sembahyang dengan berselawat/berzikir
3. Solat Zohor berjemaah.
4. Laksanakan juga solat sunat Rawatib.
5. Baca dan tadabburlah al-Quran.

### **4.00 PETANG**

1. Bersedia untuk solat Asar.
2. Laksanakan solat sunat Qabliyah.
3. Solat Asar berjemaah.
4. Berwirid atau membaca ma'thurat.
5. Baca dan tadabburlah al-Quran.

### **5.30 PETANG**

1. Membeli barang-barang keperluan berbuka dan sahur tanpa berlebih-lebih serta tidak membazir dan boros.
2. Ingatlah walaupun Syaitan dirantai tetapi nafsu masih ada dalam diri kita!

### **6.30 PETANG**

1. Siap sedia anak isteri untuk berbuka puasa.
2. Memperbanyakkan doa sebelum berbuka kerana di waktu itu adalah saat dimustajabkan doa.
3. Berbuka puasa dengan makanan yang manis seperti buah kurma dan jangan makan terlalu banyak. Solat maghrib berjemaah.

### **8.00 MALAM**

1. Solat Isya' berjemaah dan diteruskan dengan solat Tarawih
2. Bacalah Al-Quran dengan penuh tadabbur رَبِّدَّتْ, seeloknya baca dengan bertadarrus (seorang baca, yang lain menyemaknya), cuba khatam-kan Al-Quran.

### **11.00 MALAM**

1. Memperbanyakkan istighfar sebelum tidur.
2. "Berniatlah untuk puasa esok hari .
3. Tidur awal agar dapat bangun awal untuk beribadah.
4. Bacalah doa tidur.
5. Ingatlah tidur adalah mati yang sementara, kemungkinan kita dipanggil ALLAH ketika tidur.

Warga Tadika & Taska Umiku Sayang, Rangkaian Tadika & Taski Assofea dan Tadika & Taska ArRashid mengucapkan selamat berpuasa khas kepada para ibubapa pelajar, semoga kita semua dapat menjalani ibadah puasa pada tahun ini dengan lebih baik dari tahun-tahun yang lalu.

Seterusnya semoga kita mendapat apa yang dijanjikan oleh Allah sekiranya berpuasa dengan sempurna iaitu KEAMPUNAN DOSA dan BEBAS DARI NERAKA.